

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 19.5.2016 (KHAMIS)

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa jumlah pengusaha-pengusaha stesen minyak Petronas yang terpaksa menutup perniagaan mereka (gulung tikar) di seluruh negara yang terkesan dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia dan jelaskan langkah-langkah yang diambil bagi membantu mereka bagi memulihkan kembali perniagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Petronas Dagangan Berhad (PDB) telah memaklumkan bahawa tiada pengusaha stesen Petronas yang menyerahkan kembali stesen Petronas masing-masing dengan alasan kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Kebanyakan stesen minyak yang terkesan terdiri daripada stesen minyak yang mempunyai purata jualan bulanan yang rendah (iaitu jualan kurang daripada 300,000 liter sebulan) di mana keuntungan daripada

purata jualan bulanan stesen tersebut tidak dapat menanggung kerugian perbezaan harga ke atas baki stok dari bulan sebelumnya.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan amat prihatin untuk membantu mengurangkan kerugian pengusaha stesen-stesen minyak yang terkesan daripada kejatuhan harga dunia. Antara langkah yang dijalankan oleh Kerajaan adalah dengan membenarkan stesen-stesen minyak beroperasi 24 jam dengan kebenaran Kementerian ini walaupun waktu operasi stesen minyak di seluruh negara ialah dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Tujuan pemanjangan operasi ini adalah untuk membantu pengusaha stesen minyak menjana lebih pendapatan berbanding biasa. Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan kaedah apungan bebas bagi menentukan harga runcit minyak yang lebih memberi faedah kepada rakyat berbanding menggunakan kaedah apungan terkawal.

Kementerian juga telah mengadakan sesi *engagement* dengan persatuan-persatuan pengusaha stesen minyak di Malaysia pada 4 Februari 2016 untuk mendapatkan input yang lebih jelas tentang kesan yang dihadapi oleh pengusaha stesen minyak berikutan penurunan harga minyak mentah dunia. Hasil perbincangan tersebut, hanya sebilangan kecil sahaja yang terkesan kerana *volume* jualan yang terlalu rendah seperti dinyatakan sebelum ini.